

6 FEB 1996

PM LANCAR PEMBINAAN TEROWONG SISTEM LRT KEDUA

KUALA LUMPUR, 6 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan pembinaan terowong pertama Sistem Transit Aliran Ringan (LRT) Kedua di bandaraya ini di kawasan Stesen Sultan Ismail bagi Projek Usahasama Transit Ringan Automatik Sdn Bhd (Putra).

Pembinaan terowong sepanjang 4.4 km yang merentasi pusat bandaraya, dari Central Market ke Jalan Ampang, akan membabitkan penggunaan mesin penggerudi untuk pembinaan terowong buat kali pertamanya di Malaysia.

Terwong itu akan menghubungkan lima stesen bawah tanah dalam sistem LRT Kedua itu -- Benteng, Sultan Ismail, Kampung Baharu, KLCC dan Ampang Park.

Kelima-limanya merupakan sebahagian daripada 24 stesen dalam Sistem LRT 2 yang menghubungkan Gombak dan Lembah Subang meliputi jarak 29km. Ia dijadualkan siap pada 1999.

Mesin penggerudi terowong itu direka untuk menggerudi dan membina terowong secara serentak dengan jangkaan kadar kemajuan kira-kira 10 meter sehari.

Kerja itu akan dijalankan dalam sebuah shaft kira-kira 8 meter di bawah tanah. Pembinaannya dijangka siap menjelang pertengahan 1997.

Kontraktor yang menjalankan kerja pembinaan terowong itu ialah Hazama Corporation dari Jepun dan Konsortium Hyundai-PATI dari Korea Selatan. --  
BERNAMA